

Buletin Fakta

Buletin tahunan terbitan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang memaparkan isu-isu berkaitan belia di Malaysia dan berkongsi tentang aktiviti – aktiviti kajian dan program yang dianjurkan

Menarik Edisi Ini

Dashboard Belia : Gerbang Maklumat Program Pembangunan Belia dan Sukan

Hub Analitik : Komponen Data Raya

Annual Meeting of The “Russia-Islamic World” Group of Strategic Vision

RTD :Menghadapi Ancaman Siber: Tanggungjawab Anak Muda dalam Era Digital

Polling: Buli Siber

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Tel : 03-8871 3417

Faks: 03-8871 3342

E-mel : info@iyres.gov.my

Laman sesawang : www.iyres.gov.my

Dashboard Belia : Gerbang Maklumat Program Pembangunan Belia dan Sukan

Oleh : Mohd Rizal Mohd Sham

Dashboard Belia

Sila layari dibelia.gov.my

“Gerbang maklumat berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia merentas pelaksana pembangunan belia di Malaysia. Setiap sumber berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia dapat dirujuk serta diakses melalui platform pendekatan bersepadu atau “Integrated Approach” merentasi pelaksana pembangunan belia di Malaysia yang melibatkan kementerian, jabatan, agensi dan lain-lain

PEMBANGUNAN DASHBOARD BELIA SELARI DENGAN HASRAT KERAJAAN



DASAR BELIA MALAYSIA (DBM) 2015-2035

Penyelidikan dan hub data belia



MODEL PEMBANGUNAN BELIA MADANI 2030

Membangunkan inisiatif **berteraskan data, analytical and design thinking, mendaya upaya belia dengan teknologi pintar** serta merangsang kebudayaan inovasi dan kreativiti



PELAN STRATEGIK KBS 2021-2025

KBS perlu menjadi **peneraju data berkaitan belia (Data Driven)**. Melalui data, KBS dapat **menganalisis, merangka dan melaksanakan setiap polisi dan program** yang lebih berkesan dan berimpak tinggi



KAJIAN SEPARUH PENGGAL:RMK12

Strategi G2: Membangunkan belia dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing
Pembangunan dan **perkongsian data granul** mengenai **penyertaan belia** dalam **program dan inisiatif kerajaan**

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah mengambil inisiatif mewujudkan sebuah platform yang mendokumenkan data dan inisiatif program belia (*one-stop-centre*) yang dinamakan Dashboard Belia.

Dashboard Belia telah diluncurkan pada 25 Mei 2024 oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia sempena sambutan Hari Belia Negara (HBN) 2024. Dashboard Belia dibangunkan sebagai gerbang maklumat berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia merentas pelaksana pembangunan belia di Malaysia. Setiap maklumat berkaitan program dan aktiviti pembangunan belia dapat dirujuk serta diakses melalui platform pendekatan bersepadu atau “whole of nation approach” merentas pelaksana pembangunan belia di Malaysia yang melibatkan kementerian, jabatan, agensi dan lain-lain.

Dashboard Belia merupakan platform utama bagi mengumpul maklumat projek/ program/ aktiviti pembangunan belia dalam pangkalan data yang berpusat merentasi agensi pelaksana di seluruh Malaysia. Sistem ini berupaya membantu pemegang taruh belia (*stakeholders*) memantau program-program pembangunan belia dan menilai *outcome* atau pulangan yang diperolehi (Return on Investment (ROI)) daripada pelaburan/ peruntukan yang dikeluarkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) Bil 1/2024 yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 20 Mac 2024 telah bersetuju Sistem Dashboard Belia digunakan sebagai mekanisme pemantauan program dan aktiviti pembangunan oleh semua kumpulan pelaksana pembangunan belia. Usaha ini selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 yang menekankan Konsep Merentas Pelaksana.


Pembangunan dan perkongsian data granul mengenai penyertaan belia dalam program serta inisiatif kerajaan akan diwajibkan kepada semua kementerian dan agensi bagi membolehkan pelaporan, analisis dan penggubalan dasar pembangunan belia dilaksanakan dengan lebih tepat selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Oleh itu, Sistem Dashboard dapat membantu kementerian, jabatan dan agensi dalam menyelaras, memantau serta memastikan perancangan yang efektif dan berkesan.

FUNGSI DASHBOARD BELIA


- Pemantauan program dan aktiviti pembangunan belia merentas Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Bukan Kerajaan (NGO)
- *Outcome*/ pulangan yang diperolehi *Return on Investment* (ROI) dan *Return on Value* (ROV)
- *One-stop centre* maklumat program pembangunan belia di seluruh Malaysia

4 MODUL UTAMA


- 1 Senarai Program Belia & Sukan**




8,206 Program pembangunan belia
- 2 Statistik Belia**



18 Kluster Belia **320** Set data
- 3 Sukarelawan**



234,433 Sukarelawan telah mendaftar
- 4 Permohonan Data**



629 Data yang dipohon

MANFAAT

-  Maklumat program dan aktiviti teratur dan sistematik
-  Agihan sumber tepat dan efisien
-  Perancangan dan penambahbaikan program/ polisi/ dasar
-  Analisa dan penajanaan pelaporan program serta aktiviti
-  Pemantauan pelaksanaan dan pencapaian program dan aktiviti



Selaras dengan hasrat kerajaan dalam memastikan segala perancangan adalah responsif terhadap keperluan semasa serta berpandukan data (Data Driven), adalah penting bagi memastikan maklumat yang tersedia merupakan maklumat yang tepat dan terkini. Pemahaman dan perancangan berdasarkan kepada data sangat penting supaya program dan aktiviti yang dilaksanakan lebih tepat, sah dan menepati keperluan belia.

HUB ANALITIK

Oleh : Mohd Rizal Mohd Sham & Wan Suriani Wan Jamal

Hub Analitik merupakan salah satu komponen Data Raya yang dibangunkan untuk tujuan analitik bagi menghasilkan visualisasi dan aplikasi yang bermanfaat dalam membuat keputusan serta perancangan yang lebih tepat berpacuan analitik, permodelan dan analisis masa depan. Data analitik yang dibangunkan ini merupakan antara *tool* yang terpenting bagi merancang dan menjangkakan keperluan sesebuah kementerian khususnya di peringkat KBS.

Pelaksanaan analitik data raya merupakan satu inisiatif yang boleh membantu kerajaan dalam membuat keputusan berdasarkan ketersediaan data yang komprehensif daripada dalam dan luar agensi. Inisiatif ini juga mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang responsif dan mengutamakan kepantasan bertindak bagi memenuhi kehendak rakyat, terutamanya golongan belia.

MANFAAT / KEPENTINGAN PELAKSANAAN DATA RAYA KBS



Membantu kementerian dalam meramal permintaan atau keperluan akan datang berhubung pembangunan belia dan sukan,



Menjadi input bagi membantu perancangan strategik khususnya dalam memandu dan menyelaras program/aktiviti pembangunan belia ke arah yang lebih baik dan berkesan, dan



Menjana laporan yang komprehensif yang menyokong proses analisis data yang deskriptif, diagnostik, prediktif dan preskriptif.

PROJEK ANALITIK YANG DILAKSANAKAN DARI TAHUN

2019-2024


| 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 |
|---|--|--|--|--|--|
| Pilot Projek Data Raya - Kesejahteraan Ekonomi Belia Malaysia | Projek Data Raya - Kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) bagi Tahun 2015-2019 | Indeks Belia Malaysia (IBM), & Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) | Model Analitik Pembangunan Kemahiran Pelajar ILKBS & Kesejahteraan Mental Belia Malaysia | Projek Analitik Fasiliti Sukan Peringkat KBS | Projek Analitik Indeks Belia Malaysia (IBM), & Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) |
| Selesai | Selesai | Selesai | Selesai | Selesai | Selesai |

Sesi Pembentangan dan Perkongsian “The Best Practices in Youth Policy Implemented in Malaysia

oleh : Shahhanim Yahya & Wan Suriani Wan Jamal



Mesyuarat Tahunan The Russia-Islamic World Strategic Vision Group telah dilaksanakan pada 14-17 Mei 2025 bertempat di Kazan, Rusia. Agenda mesyuarat melibatkan perkongsian pengalaman di kalangan 24 wakil negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam dan organisasi belia Rusia berkaitan dasar dan polisi belia, cabaran dan tindakan bersama selain memperluaskan kerjasama dalam pembangunan program dan inisiatif berkaitan belia.




Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) tidak terkecuali berkongsi pengalaman “*The Best Practices in Youth Policy Implemented in Malaysia*” yang telah disampaikan oleh Puan Shahhanim Yahya, Eksekutif Penyelidik Kanan IYRES. Di antara input yang dikongsi adalah senario dan cabaran belia Malaysia, polisi dan inisiatif sedia ada serta pelan tindakan dan strategi pembangunan belia di Malaysia.





The XVI International Economic Forum "Russia – Islamic World: Kazan Forum" yang merupakan platform utama bagi kerjasama ekonomi antara Rusia dan negara-negara Islam turut sedang berlangsung sepanjang 13 Mei 2025 - 18 Mei 2025. IYRES turut terlibat bagi pengisian program *Russia - Islamic World Strategic Vision Group Plenary Session, The International Economic Forum "Russia - Islamic World: Kazan Forum" Plenary Session* dan *exhibition tour* bersama pemimpin dan wakil negara dalam perbincangan topik utama forum berkaitan kewangan dan pelaburan Islam, sains dan teknologi, industri halal, kerjasama antarabangsa, cabaran global, persatuan perniagaan, pelancongan, budaya, sukan dan lain-lain.



Round Table Discussion (RTD):

Menghadapi Ancaman Siber: Tanggungjawab Anak Muda dalam Era Digital

Oleh: Syuhada Mokhzan & Shah Romnizam Ramli

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Persidangan Meja Bulat (RTD) bertajuk "Keselamatan Digital: Enigma Anak Muda" bertempat di Dewan Banquet, Majlis Sukan Negara, Kuala Lumpur. Program ini menarik penyertaan 124 orang peserta secara fizikal, termasuk wakil jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat korporat, institusi pendidikan, serta aktivis belia.

RTD ini bertujuan memberi pendedahan mengenai isu keselamatan digital, perkembangan Kecerdasan Buatan (AI), dan pengaruh media sosial masa kini yang memberi cabaran kepada golongan muda. Para pembentang dari Pusat Pencegahan Jenayah Nasional (NFCC), CyberSecurity Malaysia, dan Persatuan Pendidikan Digital Komuniti (PENDIDIK) turut membincangkan topik seperti ancaman jenayah siber dan pengaruh AI kepada belia.

Forum RTD bertajuk "Media Sosial: Ancaman atau Pelindung Belia Milenium" menampilkan tiga orang pembentang dari Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Communications & Multimedia Content Forum of Malaysia (CMCF), dan Pusat Kajian Perangsaraf Media dan Informasi UiTM. Forum tersebut telah dikendalikan oleh Dr. Zulisman Maksom dari UTeM.



Round Table Discussion (RTD) : Hasil dapatan perbincangan**Antara bentuk ancaman siber ialah:**

1. Serangan *Phishing* – Penipuan melalui emel, mesej, atau laman web palsu untuk mencuri maklumat peribadi seperti kata laluan dan maklumat kad kredit perbankan/ kewangan;
2. Perisian Hasad (Malware) – Program yang direka untuk merosakkan atau mengakses data tanpa izin, seperti *virus* atau *ransomware*;
3. Penggodaman (Hacking) – Pencerobohan ke dalam sistem komputer atau rangkaian untuk mencuri atau memanipulasi data;
4. Pencurian Identiti – Penyalahgunaan maklumat peribadi seseorang untuk mendapatkan akses kepada sumber kewangan atau privasi; dan
5. Serangan DDoS (Distributed Denial of Service) – Membanjiri laman web atau perkhidmatan dengan trafik yang tinggi hingga menyebabkan ia tidak dapat diakses.

Dalam era digital yang pesat berkembang, golongan belia memikul tanggungjawab penting dalam memastikan keselamatan siber terpelihara kerana mereka merupakan pengguna aktif teknologi dan media sosial. Mereka perlu mempunyai pendidikan tentang ancaman siber; bijak dalam berkongsi maklumat peribadi; dan mengamalkan keselamatan seperti penggunaan kata laluan yang kukuh dan sukar diteka. Selain itu, mereka perlu melaporkan aktiviti mencurigakan; mengamalkan etika digital; dan sentiasa memastikan peranti serta akaun mereka dilindungi. Tindakan ini berupaya membentuk budaya keselamatan digital yang kukuh dan melindungi komuniti secara keseluruhan.



Dapatan Polling Buli Siber:

Nampak macam 'gurau-gurau' di ruangan komen, tapi siapa sangka gurauan itu sebenarnya menyakitkan?

oleh : Syuhada Mokhzan & Shazwanie Rosehan

Buli siber bukan hanya sekadar masalah yang mengganggu emosi, tetapi telah menjadi realiti yang kian membimbangkan dalam kehidupan belia masa kini. Berdasarkan dapatan kajian dari Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025 melaporkan sebanyak 45.4% belia mengakui pernah menerima komen negatif atau kritikan memalukan di ruang maya. Pada awalnya, banyak yang mungkin melihatnya sebagai gurauan atau kritikan biasa, namun kritikan yang berterusan boleh menghancurkan harga diri dan merosakkan keyakinan diri seseorang individu. Bukan itu sahaja, malah 31.5% belia pula pernah dituduh dan difitnah, menjadikan mereka mangsa kepada serangan berunsur penipuan yang sukar dikawal.

Selain kata-kata negatif, 22.1% belia melaporkan menerima kata-kata kotor dan berbau lucah yang tidak hanya mengguris hati, tetapi juga mencemarkan ruang digital yang sepatutnya lebih positif. Penyebaran gambar atau video peribadi tanpa kebenaran (39.0%) juga merupakan bentuk buli siber yang menakutkan, di mana privasi seseorang dicabuli dengan mudahnya di dunia maya. Bahkan, ancaman lebih menakutkan datang daripada 25.8% belia yang pernah menerima ugutan atau ancaman daripada individu yang tidak dikenali atau pengikut di media sosial.

Namun, apa yang lebih membimbangkan adalah apabila buli siber ini dianggap remeh oleh sesetengah pihak. Ketika sesetengah orang melihatnya sebagai "gurauan", ia sebenarnya membawa kesan jangka panjang yang boleh memberi kesan mendalam terhadap mental dan emosi mangsa. Jika tidak ditangani, kritikan kecil ini boleh berkembang menjadi trauma yang sukar disembuhkan. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menyedari betapa seriusnya isu buli siber ini dan bertindak bersama untuk memastikan dunia digital kita selamat dan bebas daripada ancaman.

Golongan belia memainkan peranan signifikan dalam menangani isu siber buli dengan mengamalkan etika komunikasi digital yang bertanggungjawab serta menjadi contoh teladan dalam mempromosikan interaksi siber yang sihat dan beradab.


***Suruhanjaya
Komunikasi dan
Multimedia Malaysia
(MCMC), (2022)***



Dapatan Polling Buli Siber:**Perang Emosi di Alam Maya: Siapa Pelaku, Siapa Mangsa?**

Media sosial seharusnya menjadi ruang untuk bersosial dan berkongsi ilmu, tetapi kini semakin tercemar dengan tingkah laku buli siber yang membimbangkan. Berdasarkan dapatan kajian dari IYRES 2025, mendapati bahawa sebanyak 17.3% individu pernah menghantar komen negatif atau kritikan yang memalukan. Lebih mengejutkan, 4.6% mengaku pernah menggunakan kata-kata kotor dan berbau lucah. Perbuatan menyebarkan gambar, video, atau maklumat peribadi orang lain tanpa kebenaran turut berlaku, melibatkan 6.8% daripada responden.

Tindakan yang lebih serius seperti mengugut atau mengancam individu tidak dikenali dilakukan oleh 3.7%, manakala 5.8% pula pernah mencerooboh akaun media sosial orang lain. Tidak kurang juga, 4.5% mengaku pernah menghantar gangguan berbentuk seksual. Ini menunjukkan betapa mudahnya batas moral dilanggar hanya dengan beberapa klik sahaja dan lebih membimbangkan, kesedaran mengenai kesan emosi terhadap mangsa masih rendah.



Menariknya, kajian mendapati lelaki dan perempuan mempunyai kadar penglibatan yang hampir sama dalam buli siber. Namun, lelaki lebih cenderung melakukan ancaman dan gangguan seksual, manakala perempuan pula lebih banyak terlibat dalam menghantar komen negatif atau kritikan memalukan.

Jelas menunjukkan bahawa, sesiapa sahaja berpotensi menjadi pembuli siber, tanpa mengira jantina. Oleh itu, setiap individu perlu memainkan peranan dalam membendung gejala ini. Media sosial harus digunakan sebagai medium untuk menyebarkan maklumat yang bermanfaat dan membina hubungan yang positif, bukannya menjadi saluran untuk menyakiti atau menjatuhkan orang lain. Tanggungjawab bersama ini sangat penting agar media sosial kekal sebagai ruang yang selamat, sihat, dan beretika untuk semua pengguna.



Dapatan Polling Buli Siber:**LANGKAH SEKIRANYA MENJADI MANGSA BULI**

Melaporkan kepada pihak berkuasa
(41.5%) n=466

Mengambil tindakan undang-undang
(28.3%) n=318

Meningkatkan motivasi sendiri
(26.2%) n=318

Mendapatkan sokongan individu lain
(25.8%)n=290

Mempertahankan diri di media sosial
(25.5%)=286

Menyahaktif akaun media sosial
(24.5%)=275

Mendapatkan khidmat nasihat profesional (kaunseling)
(21.6%)n=243

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES),2025

CADANGAN BAGI MENGATASI ISU BULI SIBER

- Melibatkan peranan *influencer* untuk menyebarkan mesej dan memberi inspirasi kepada belia;
- Memberi peringatan kepada individu belia tentang kepentingan menjaga privasi dan tidak berkongsi maklumat peribadi;
- Memperketatkan undang-undang dan mengambil tindakan tegas terhadap pelaku buli siber;
- Ibu bapa perlu aktif memantau penggunaan media sosial anak-anak;
- Memastikan platform media sosial mempunyai sistem untuk mengenal pasti dan menghapuskan akaun palsu;
- Menggalakkan penciptaan kumpulan sokongan komuniti dalam talian yang positif dengan sokongan dan empati;
- Mempromosikan tindakan segera untuk melaporkan buli siber kepada pihak berkuasa;
- Memperkenalkan nilai-nilai moral di peringkat awal untuk membentuk keperibadian yang baik; dan
- Mendorong individu yang terjejas untuk berehat dari media sosial dan mencari bantuan serta sokongan profesional.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2025





INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

Profil IYRES

Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia
Malaysia (IYRES)
merupakan agensi di
bawah kementerian Belia
dan Sukan (KBS) dan
merupakan pusat
penyelidikan nasional
yang mengkaji pelbagai
aspek aliran serta
pembangunan generasi
muda dan kaitannya
dengan perubahan yang
berlaku di peringkat
nasional, serantau dan
antarabangsa
(Akta Pertubuhan dan
Pembangunan Belia 2007
(Akta 668))

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Puan Shahhanim Yahya

Editor / Pereka Grafik

Puan Nur Syuhada Mokhzan

Puan Asnida Abd Hamid

Penulis

Puan Nur Syuhada Mokhzan
Encik Mohd Rizal Mohd Sham
Puan Shahhanim Yahya
Cik Wan Suriani Wan Jamal
Encik Shah Romnizam Ramli
Puan Shazwanie Rosehan

